

AKTIVITI	Sambutan Bulan Kemerdekaan dan Hari Malaysia INSTUN Tahun 2022
TARIKH	16 Ogos 2022 – 19 September 2022
TEMPAT	Perpustakaan INSTUN
PENGLIBATAN	Semua Pegawai INSTUN serta Puspanita

Sambutan Bulan Kemerdekaan dan Hari Malaysia INSTUN Tahun 2022 telah berlangsung bermula pada 23 Ogos 2022 sehingga 19 September 2022 dengan penuh kemeriahan. Sambutan ini juga dijalankan dengan kerjasama Kelab dan Puspanita INSTUN dengan aktivitinya CSR Kembara Ride dan juga Pertandingan Buku Skrap Kemerdekaan.


-Sambutan ini tidak lain dan tidak bukan adalah bertujuan bagi menyambut Hari Kebangsaan pada tanggal 31 Ogos sebagai tanda mengingati kemerdekaan Semenanjung Tanah Melayu. Manakala sambutan Hari Malaysia yang disambut pada 16 September adalah sebagai memperingati tanda penubuhan Persekutuan Malaysia. Sambutan ini juga dilaksanakan selaras dengan seruan kerajaan dengan temanya Keluarga Malaysia Teguh Bersama yang merujuk kepada masyarakat hidup aman daman dan bersatu pada dalam keterangkuman, kebersamaan dan kesyukuran.

Antara pertandingan yang diadakan adalah pertandingan Video Tiktok, Fotografi, Kuiz Kemerdekaan, dan Nyanyian Kemerdekaan. Manakala bagi Pertandingan Sketsa Merdeka dilaksanakan pada 19 September 2022 iaitu sebagai Majlis Penutupan Bulan Kemerdekaan yang diadakan bersekali dengan Perhimpunan Bulanan INSTUN. Keselamatan selaku Penyelaras Program.

Majlis Penutupan Bulan Kemerdekaan ini disambut dengan riang dan gembira dengan keterlibatan semua pegawai terutama dalam menjayakan pertandingan Sketsa Merdeka di antara bahagian. Hasil usaha dan kerjasama setiap bahagian bukan sahaja demi kemenangan, malah mengeratkan hubungan silaturahim dan persefahaman serta membawa erti kemerdekaan yang sebenar. Diharapkan majlis sambutan seperti ini dapat diteruskan pada masa hadapan dan ditambah baik agar semangat kecintaan dan patriotisme akan terus bersemadi dalam jiwa setiap di antara kita.

TENTATIF
PROGRAM SAMBUTAN BULAN
KEMERDEKAAN DAN HARI MALAYSIA
TAHUN 2022

BIL.	SENARAI AKTIVITI	BAHAGIAN/ INDIVIDU	TENTATIF TARIKH	HARI	URUS SETIA
1.	Simbolik Penyerahan Jalur Gemilang	-	23/08	Selasa	Keselamatan
2.	Pertandingan Video Tik Tok Kemerdekaan	Warga INSTUN	26/08-09/09	-	BPK
3.	Pertandingan Fotografi Kemerdekaan	Warga INSTUN	26/08-09/09	-	BTM
4.	Kuiz Kemerdekaan "Keluarga Malaysia"	Warga INSTUN	30/08	Selasa	BPP
5.	Pertandingan Buku Skrap Kemerdekaan	Warga INSTUN	26/08 - 09/09	-	Puspanita
6.	CSR Kembara INSTUN	Individu	02/09 – 03/09	Jumaat-Sabtu	Kelab
7.	Tayangan Movie Kemerdekaan	Warga INSTUN	12/09	Isnin	PRO / BPK
8.	Pertandingan Nyanyian Kemerdekaan (Live)	Warga INSTUN	12/09	Isnin	BUP
9.	Majlis Penutup Bulan Kemerdekaan	-	19/09	Isnin (Perhimpunan)	Keselamatan
10.	Pertandingan Sketsa Merdeka (Live)	Bahagian	19/09	Isnin (Perhimpunan)	BPPT



INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA
 KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI



PROGRAM SAMBUTAN BULAN
KEMERDEKAAN DAN HARI MALAYSIA
TAHUN 2022





